

Projek IPMB menunjukkan hasil

UM 4.2.2015 26

KOTA KINABALU 3 Feb. - Projek komuniti penambahbaikan stok udang galah di Sungai Petagas, Putatan yang diusahakan Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) sejak tiga tahun lalu kini telah menunjukkan hasilnya.

Menurut Ketua Projek berkenaan, Prof. Datin Seri Dr. Ann Anton, udang-udang yang dilepaskan ke sungai tersebut kini telah membesar dan ada yang sudah boleh ditangkap untuk dimakan.

"Penduduk khususnya yang tinggal sekitar sungai berkenaan telah merasai hasil usaha yang kita jalankan yang pada satu ketika dianggap tidak mampu berjaya oleh sesetengah pihak berikutan tahap kualiti air sungai yang agak rendah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Kempen Kesedaran Sungai bersama murid Sekolah Kebangsaan (SK) Petagas dan SK Contoh di sini baru-baru ini.

Program yang dihadiri 100 orang murid itu telah dirasmikan oleh Penolong Pegawai Daerah Putatan, Hassan Mahali.

Tambah beliau, pencapaian itu merupakan hasil daripada ker-

jasama erat semua pihak termasuk sokongan padu Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Seri Yahya Hussin, Majlis Daerah Putatan dan penduduk setempat.

"Sepanjang tiga tahun ini, kita juga telah menganjurkan pelbagai aktiviti termasuk kempen kesedaran terhadap penjagaan kebersihan sungai selain aktiviti gotong-royong bersama komuniti untuk membersihkan Sungai Petagas.

"Impak projek ini amat memberangsangkan dan kita percaya ini akan memberi manfaat besar terutama dalam meningkatkan sosioekonomi melalui peningkatan hasil tangkapan udang galah masyarakat di sini," kata.

Beliau berkata, sebanyak 26,000 benih udang galah telah dilepaskan di sungai itu sejak 2012.

Terdahulu, Pengarah IPMB, Prof. Madya Dr. Rossita Shapawi memberitahu, universiti kini bukan lagi berperanan menjadi pusat pendidikan dan pembelajaran malah universiti juga menjadi medium pemindahan ilmu kepada komuniti luar.